

02 APR 2001

Mahathir-Pertanian

PM MAHU SWASTA MANFAATKAN HASIL PENYELIDIKAN INSTITUSI AWAM

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu sektor swasta memanfaatkan sepenuhnya hasil penemuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) institusi awam untuk diusahakan secara komersil yang kelak memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak dan negara.

Perdana Menteri berkata sektor swasta boleh mengambil hasil penyelidikan institusi awam seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) dan melabur ke atasnya untuk pengeluaran secara besar-besaran.

"Mardi mempunyai cukup kemampuan dan kepakaran dalam R&D. Hanya yang menjadi masalah ialah tidak ramai yang menggunakan hasil R&D itu," katanya pada sidang media selepas melakukan lawatan kerja ke ibu pejabat Mardi di Serdang dekat sini, hari ini.

Beliau berkata jika pihak swasta memanfaatkan hasil R&D itu, Mardi boleh mendapat pulangan yang lebih dan boleh digunakan untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan selanjutnya.

Dr Mahathir percaya sektor swasta juga mampu mendapat pulangan yang baik menerusi pengeluaran berskala besar dan kaedah pemasaran seperti pembungkusan dan promosi yang baik.

Dr Mahathir berkata selagi Malaysia tidak tahu bagaimana hendak menjadikan pertanian sebagai usaha perniagaan, selagi itulah manfaat yang sewajarnya tidak dapat dinikmati daripada hasil R&D Mardi.

Beliau berkeyakinan penuh bahawa pertumbuhan pertanian Malaysia mempunyai potensi yang besar untuk dikomersilkan termasuk penemuan R&D terbaru Mardi iaitu pokok kenaf (*hibiscus cannabinus*) iaitu sejenis pokok berberat kayu yang mempunyai pelbagai kegunaan.

Pada lawatan itu, Perdana Menteri melihat barangan berkualiti tinggi yang boleh dihasilkan menggunakan serat kenaf seperti kertas yang tidak boleh dikoyak, papan serpih, makanan haiwan serta kaca gentian.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan memberi lebih tumpuan kepada pertanian tetapi rakyat sebaliknya berminat untuk membeli dan menjual saham kerana ia lebih mudah.

Pertanian dapat dijadikan enjin pertumbuhan ekonomi jika rakyat lebih serius dalam bidang itu, kata beliau.

Dr Mahathir berkata kerajaan sedar ganjaran untuk para penyelidik atau saintis di Mardi lebih rendah berbanding di universiti atau sektor swasta.

Oleh itu, katanya, kerajaan sedia mengkajinya untuk mengekalkan mereka dengan Mardi memandangkan ramai yang berminat menyertai bidang akademik yang mempunyai peluang kenaikan pangkat yang lebih banyak.

Sementara itu, Menteri Pertanian Datuk Mohd Effendi Norwawi berkata Mardi perlu ada daya saing untuk menarik pakar-pakar luar menjadi penyelidik.

Mengenai peluang swasta menggunakan hasil R&D Mardi, Effendi berkata Kementerian Pertanian sedang mengkaji untuk meminda Akta Domain Awam.

Pindaan akta itu, yang sedang dalam kajian pejabat Peguam Negara, diharap dapat membuka jalan kepada peningkatan penglibatan sektor swasta dalam penyelidikan bersama Mardi, katanya.

Dr Mahathir juga menghabiskan masa lebih empat jam melihat sendiri penghasilan R&D Mardi yang boleh dikomersilkan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding turut hadir pada perbincangan tertutup antara Mardi dan Dr Mahathir.

Sempena lawatan itu, Dr Mahathir turut menyaksikan pertukaran dokumen

memorandum persefahaman antara Mardi dan Glowing Hill Sdn Bhd bagi pengeluaran telur rendah kolestrol.

Mardi diwakili oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian Datuk Abi Musa Asaari Mohamad Nor manakala Glowing Hill oleh pengerusinya Datuk Annuar Musa.

Mardi akan mengadakan hari terbuka sempena ulangtahunnya yang ke-30 di ibu pejabatnya di sini dari 5 hingga 8 April dengan 6 April dikhususkan untuk pihak swasta meninjau peluang kerjasama dengannya.

-- BERNAMA

MNY MK AKT AHH NAK